

Ahli Sunah Waljamaah
Pemahaman Semula

Syarahan Perdana
Universiti Kebangsaan Malaysia
1998

Alias Kamis. 1998. *Peranan Hormon Perumah dalam Jangkitan Parasit*. ISBN 967-942-410-3

Abu Bakar Nordin. 1998. *Peningkatan Pencapaian dalam Penjanaan Bakat*. ISBN 967-942-417-0

Osman Ali. 1998. *Peralihan Kesihatan Perkembangan dan Iktibar*. ISBN 967-942-420-0

Kasmini Kassim. 1998. *Penderaan Emosi Kanak-Kanak: Trauma Terselindung*. ISBN 967-942-423-5

Abdul Salam Babji. 1998. *Sains Daging Terproses*. ISBN 967-942-427-8

Abdul Shukor Husin. 1988. *Ahli Sunah Waljamaah Pemahaman Semula*. ISBN 967-942-430-8

Senarai lengkap Siri Syarahan Perdana UKM di halaman belakang.

Ahli Sunah Waljamaah Pemahaman Semula

Abdul Shukor Husin



Dipersembahkan sebagai Syarahan Perdana jawatan Profesor
Universiti Kebangsaan Malaysia, pada 18 Disember 1998
di Bilik Jumaah Universiti Kebangsaan Malaysia

PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI • 1998

Cetakan Pertama / *First Printing*, 1998
Hak cipta / *Copyright* Universiti Kebangsaan Malaysia, 1998

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit UKM terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from the Penerbit UKM.

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor D.E. Malaysia

Penerbit UKM adalah anggota / *is a member of the*
PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA /
MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION
No. Ahli / *Membership No.* 8302

Dicetak di Malaysia oleh / *Printed in Malaysia by*
Pusat Teknologi Pendidikan,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor D.E.

Perpustakaan Negara Malaysia Data-Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Cataloguing-in-Publication-Data

Abdul Shukor Haji Husin. 1942-
Ahli sunah waljamaah : pemahaman semula / Abdul Shukor
Haji Husin.
(Syarahan perdana / Universiti Kebangsaan Malaysia)
1. Sunnites.
2. Islamic sects.
3. Islam--Doctrines.
I. Judul. II. Siri.
297.81

ISBN 967-942-430-8

Abstrak

Masyarakat Islam di Malaysia ini telah lama menerima dan mengamalkan Islam berdasarkan pendekatan Ahli Sunah Waljamaah. Dalam aspek Akidah pegangan yang dihayati dan sehati ialah fahaman Asya'irah dan maturidiah. Fahaman ini sinonim dengan Ahli Sunah. Natijahnya telah menampakkan kesan yang baik kepada kestabilan rohani dan masyarakat. Tetapi perkembangan sunnah alam tidak mungkin dapat disekat. Dalam zaman langit terbuka dan bumi ilmu tanpa batas, keresahan tetap timbul bila fahaman-fahaman lain ditonjolkan di dalam masyarakat Islam walaupun fahaman-fahaman itu pada hakikatnya masih di bawah payung Ahli Sunah. Masyarakat Islam yang terus ligat mencari hakikat Ahli Sunah tidak harus disalurkan ke dalam jalur yang sempit menerusi doktrin dan tokoh-tokoh tertentu sahaja. Natijahnya seperti biasa, melahirkan percanggahan dan keresahan. Pemahaman tentang Ahli Sunah secara tradisi harus diubah kepada fahaman melalui manhaj, matlamat dan objektif yang tersurat dan tersirat berdasarkan Syariah dan sejarah Ahli Sunah. Di Malaysia berpegang kepada manhaj Ahli Sunah tetap diperlukan. Ia perlu dipertahankan dan disuburkan menerusi kefahaman yang betul dan tepat untuk menghapus penyelewengan yang boleh menghakisnya. Bagi menjamin kestabilan rohani, keutuhan masyarakat Islam di Malaysia maka kefahaman betul kepada manhaj Ahli Sunah amat penting.

Abstract

The Muslim community in Malaysia has for quite a long time adhered to and upheld Sunnism. In Islamic theology the community has religiously followed Ash'arism and Matudirism which are synonymous with Sunnism. The apparent benefits from adhering to Sunnism are clearly spiritual and communal stability. However, the natural development in the world is impossible to stop. In the era of the open sky and knowledge having no boundary, anxiety will certainly emerge whenever other schools of thought are introduced into the community even though they are still within Sunnism. The Malaysian Muslim community who has seriously searched for true Sunnism and their exponents should not be led to a narrow path through specific doctrines and well known figures only for it will likely lead to contradiction and anxiety. The traditional understanding of Sunnism should be changed through an understanding of its methods, goals and objectives which are firmly grounded in Allah's Revelation and in the history of Sunnism. In the Malaysian context, adhering to Sunnism is necessary and Sunnism should be protected and spread through a right and correct understanding in order to eliminate any deviance. To guarantee spiritual stability and solidarity of the Muslim community in Malaysia, a true understanding of Sunnite methods is indeed crucial.

*Yang Berbahagia Datuk Naib Canselor,
Yang Berbahagia Timbalan-Timbalan Naib Canselor,
Para Profesor, Profesor Madya,
Para Dekan dan Pengarah,
Ketua-Ketua Jabatan,
dan hadirin yang saya hormati sekalian,*

Assalamualaikum w.b.r.t dan salam mesra,

Pendahuluan

Majoriti umat Islam di Malaysia malah di rantau ini telah berabad-abad lamanya menerima dan mengamalkan Islam berasaskan pendekatan aliran Ahli Sunah Waljamaah hingga menjadi begitu dominan dan berwibawa. Hakikat ini telah menjadikan Malaysia malah rantau ini paling seragam dan istikrar dalam pegangan akidah, amalan syariah dan sistem nilai (akhlak) berbanding dengan masyarakat Islam di rantau lain. Keadaan ini secara tidak langsung memberi sumbangan kepada kestabilan susunan siasah, masyarakat dan perpaduan ummah.

Pendekatan Ahli Sunah yang sehati dihayati oleh masyarakat Islam di Malaysia dalam aspek akidah dan kepercayaan ialah fahaman dan aliran Asyairah dan Maturidiah.

Aliran Asyairah yang diasaskan oleh Abu Hasan bin Ismail Asyaari (260H - 330H) dan aliran Maturidiah diasaskan oleh Abu Mansur Muhammad bin Muhammad Maturidi (w. 333H.). Kedua-dua aliran ini, fahaman dan pendekatan mereka sealiran

dan tidak mempunyai perbezaan ketara dalam menangani isu akidah, khususnya perkara usul akidah. (Abdul Shukor 1983: 26, 1996: 22; Muhammad Uthman El-Muhammady t.th:3). Kedua-dua tokoh yang cukup terkenal ini memberikan sumbangan yang sangat tinggi nilainya kepada penerusan aliran Ahli Sunah, sekaligus pembela yang sangat kental dan ikhlas kepada aliran Ahli Sunah daripada gerakan perosak yang menghakis kewibawaannya. Kedua-dua tokoh ini adalah sezaman hanya daerahnya sahaja yang berbeza. Imam Abu Hasan hidup dan berjuang di sekitar Asia Barat, khususnya Iraq, Syria, Mesir manakala Imam Abu Mansur di Asia Tengah bermastautin di Samarkand, Uzbekistan.

Kekukuhan pegangan masyarakat Islam dalam akidah Islam kepada kedua-dua aliran di atas dapat dilihat dari aspek berikut:

1. Pegangan dan amalan masyarakat Islam.
2. Pengajian dan pendidikan.
3. Pentadbiran undang-undang Islam dan penguatkuasaannya.

Dalam aspek pertama pegangan dan amalan masyarakat Islam dengan fahaman kedua-dua aliran tokoh di atas sangatlah kukuh dan sukar dirungkai, terutamanya di kalangan orang awam. Masyarakat Islam akan merasa ganjil dan resah apabila terdapat aliran lain yang berbeza daripada apa yang telah mereka anuti cuba menyelinap masuk atau cuba melebarkan pengaruhnya.

Akidah Islam merupakan aspek yang thabat (tetap) tidak berubah walaupun masyarakat dan situasi berubah. Ini berbeza dengan aspek Syariah yang bersifat murunah (anjal). Faktor penting dalam pengajian dan pendidikan akidah Islam ialah kitab yang diguna dan dijadikan rujukan oleh sesebuah institusi. Dalam konteks ini kekuatan pegangan masyarakat Islam Malaysia kepada aliran Asyairah dan Maturidiah dapat dilihat menerusi kitab akidah yang menjadi bahan pengajian dan sumber rujukan sama ada di institusi pengajian formal yang menawarkan pengajian Islam atau di institusi tidak formal seperti pengajian halaqah di

masjid, atau surau. Keseluruhannya menggunakan kitab berorientasikan aliran Asyairah dan Maturidiah yang ditulis sendiri oleh tokoh-tokohnya, baik dalam bahasa Melayu, Arab atau terjemahan. Sementara kitab dalam aliran lain tidaklah banyak atau popular kecuali bagi tujuan kajian penyelidikan. Kitab yang tersenarai dalam Jadual 1 dan 2 telah bertapak kukuh dalam sistem pengajian dan pendidikan Islam di negara ini bermula daripada sistem pengajian pondok hinggalah kepada sistem yang lebih teratur dan tersusun seperti di Sekolah agama, Kolej dan Universiti. Begitu juga dalam pengajian dan pendidikan tidak formal bagi orang awam. (Abdul Shukor 1985).

Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam dan Penguatkuasaan – Perkara yang berkaitan dengan agama Islam adalah di bawah kuasa Raja-raja dan Kerajaan Negeri di Malaysia. Kebanyakan enakmen Kerajaan Negeri dan Wilayah banyak memberi tumpuan pada kesalahan Jenayah Syariah selain daripada pentadbiran, institusi fatwa, penubuhan mahkamah Syariah, pendakwaan, pentadbiran masjid, tatacara pemeluk agama Islam, pendidikan agama Islam dan undang-undang keluarga Islam. Walau bagaimanapun dalam bidang akidah tidak terdapat undang-undang yang jelas, khusus dan terperinci. Bagi Negara Brunei pegangan dan amalan menurut Ahli Sunah adalah jelas dan dinyatakan di dalam Perlembagaan Negara Brunei. Agama rasmi bagi Negeri ialah agama Islam menurut Ahli Sunah Waljamaah, tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan sempurna oleh mereka yang mengamalkannya (Perlembagaan Negeri Brunei 1959). Namun demikian di Malaysia jika dilihat pada institusi fatwa dan Mahkamah Syariah pendapat yang dipakai dan menjadi hujah pada lazimnya ialah qaul muktamad dalam mazhab Syafii. Jika tidak terdapat di dalam Mazhab Syafii atau boleh membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam maka qaul muktamad mazhab Hanafi, mazhab Maliki atau mazhab Hanbali boleh dipakai.

JADUAL 1. Nama kitab yang dijadikan bahan pengajian dan rujukan di institusi pendidikan formal.

Nama Tokoh	Nama Kitab
- al-Āmīdi, Saifuddin	- Ghāyah al-Marām fī ‘Ilm al-Kalām
- Abdul Shukor Husin wa al-Naqli	- al-Nubuwwah Bain al-‘Aqli
- Abdul Halim Mahmud	- Dalā’il al-Nubuwwah
- al-Ash‘ari, Abu Hasan Ali bin Ismail	- al-Ibānah ‘An Uṣūl al-Diyānah - Maqālā al-Islamiyyin wa al-Ikhtilāf al-Muṣallīn
- al-Bāqillāni, Abu Bakar bin Muhammad bin Taiyib	- al-Insāf - al-Tamhīd
- al-Bājūrī, Ibrahim	- Sharḥ Jawharah al-Tauhīd
- al-Baghdadi, Abu Mansor Abdulqāhir bin Tahir	- al-farq Bain al-firaq
- al-Baihaqi, Abu Bakar bin Ahmad	- al-I‘atīqad ‘Ala Madhāhib al-Salaf
- al-Bayādī, Kamaluddin bin Ahmad	- Isharah al-Marām
- al-Butȳ, Muhammad Ramadan	- Kubrā al-Yaqiniyyat al-Kauniyyah
- al-Ghazali, Abu Hāmid Muhammad bin Muhammad	- al-Arbāin fī Usūluddin - Risāh al-Tauhīd - Iljām al-‘Awām - al-Iqtisād fī al-I‘atīqad - Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn

(bersambung)

(sambungan Jadual 1)

Nama Tokoh	Nama Kitab
- al-Jazāiri, Abu Bakar	- °Aqīdah al-Mu'min
- al-Jurjāni, Sayyid Sha'rif	- Sharḥ al-Mawaqif
- al-Juaini, Abu al-Ma'ali Abdul Malik	- al-Irshād - al-°Aqīdah al-Nizāmiyyah - Lum'a al-Adillah
- al-Ījī, Abdul Rahman	- al-Mawāqif
- al-°Iz, Ali Muhammad	- Sharḥ al-Tahawiyah
- al-Mawarī, Abu Hasan Ali bin Muhammad	- A°alām al-Nubuwwah
- Muhammad Abu Zahrah	- Tariḫ al-Madhāhib al-Islāmiyyah
- Muhammad Shaltut	- Islam °Aqīdah wa Shari°ah
- Muhammad Abduh	- Risālah al-Tauhīd
- al-Rāzi, Fakhrudin Muhammad bin Omar	- I°atiqādāt firaq al-Muslimīn wa al-Mushrikīn - Asrār al-Tanzil - °Ismah al-Anbiya' - Muhassal afkār al-Mutaqaddimīn wa al-mutakhhirīn
- Rida, Muhammad Rashid	- al-wahyu al-Muhammadi
- al-Sanusi, Abdullah Muhammad bin Yusuf	- Sharḥ al-Kubrā li al-Sanusi
- al-Shahrastāni, Abu al-fath Muhammad Abdul Karim	- Nihāyah al-Iqdām - al-Milal wa al-Niḥal
- al-Taftāzāni, S°aduddin Umar	- Sharḥ al-°Aqa'id al-Nasafiyyah - Sharḥ al-Maqāsīd

JADUAL 2. Nama kitab yang dijadikan bahan pengajian dan rujukan di institusi tidak formal

Nama Tokoh	Nama Kitab
- Ibrahim al-Laḳāni	- Matan Jauharah al-Tauhīd. (Terjemahan oleh sekumpulan Penterjemahan)
- Muhammad Sulaiman Yasin	- Pengantar ʿAqidah - ʿAqidah Muslim
- Said Haji Ibrahim	- ʿAkidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah
- Syekh Muhammad Nawawi al-Bintan al-Jawi (1314H)	- Sharḥ al-Manzūn Bi Aqīdah al-Awām
- Syekh Ahmad Muhamad Zin al-Fatani (1325/1908M)	- Farīdah al-Faraʿid fi ʿIlm al-Aqāʿid - ʿUnwān al-falāḥ wa Unwān al-Ṣalāḥ
- Syekh Daud Abdullah al-Fatani (1267H/1847M)	- Manhaj al-ʿĀbidin Ila Jannah Rabb al-ʿĀlamīn - Sullam al-Mubtadi fi Maʿrifah Tariqah al-Muhtadi - al-Bahjah al-Wardiyyah fi ʿAqāʿid Ahl al-Jamāah al-Sunniyah - Sifat Dua Puluh
- Syekh Muhammad Nafis al-Banjari (1200H)	- al-Durr al-Nafīs fi Bayan Waḥdah al-Afʿal wa al-Asmāʾ wa al-Sifāt wa al-dhāt
- Syekh Abdul Samad al-Palimbani (1788M/1202H)	- Bidāyah al-Hidāyah - Sirāt al-Murīd fi Bayān Kalimah al-Tauhīd - Hidāyah al-Salikin fi Bayān Suluk Maslak al-Muttaqīn - Sair al-Sālikin Ila ʿĪbādah Rabb al-ʿĀlamīn - Zad al-Muttaqīn fi Tauhīd Rabb al-ʿĀlamīn
- Syekh Nuruddin al-Raniri (w. 1658M/1096H)	- al-Lumaʿ fi Takfir Man qāla bikhuluq al-Qurʿan

Tokoh-tokoh di atas walaupun masing-masing mempunyai mazhab dalam fiqh tetapi dari sudut akidah mereka adalah pendokong kuat Ahli Sunah. Roh pemakaian dan pelaksanaan pendapat mazhab yang dinyatakan diatas difahami sebagai pendapat aliran Ahli Sunah atau aliran yang tidak bertentangan dengannya. Maka dalam isu-isu akidah, walaupun tidak dinyatakan secara khusus dan jelas, pemahaman dan penghayatan masyarakat Islam tetap kepada pemahaman dan pendekatan Ahli Sunah. Hakikat ini dapat dilihat dalam setiap kes penyelewengan akidah dan kerohanian yang timbul dalam masyarakat Islam, maka ukuran dan penilaian dirujukkan kepada fahaman aliran Ahli Sunah. (Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri Pahang 1991, Administration of Islamic Law (Federal Territories) Act 1993, Johore Administration of Islamic Law Enactment 1978; Selangor Administration of Islamic Law Enactment 1989).

Berdasarkan pegangan dan penghayatan masyarakat Islam Malaysia, budaya ilmu dan pengajian serta kekuatan undang-undang penguatkuasaan yang tersurat dan tersirat, ternyata meluas dan kukuhnya pengaruh aliran Ahli Sunah khususnya Asyairah dan Maturidiah dalam masyarakat Islam di Malaysia. Tidak keterlaluan jika kita rumuskan bahawa masyarakat Islam Malaysia khususnya orang awam dalam aspek akidah, fahaman aliran Asyairah adalah sinonim dengan Ahli Sunah. Sementara aliran lain seperti Salaf - Ibnu Taimiah dan Wahabiah tidak begitu dikenali atau tidak dianggap sebahagian daripada aliran Ahli Sunah. Oleh itu apabila aliran ini dibincang dan diketengahkan ke dalam masyarakat walaupun untuk tujuan ilmiah, masyarakat Islam terasa ganjil dan resah kerana terdapat kelainan dengan apa yang mereka fahami dan hayati.

Fahaman dan pegangan masyarakat Islam kepada aliran Asyairah dan Maturidiah sebagai Ahli Sunah Waljamaah adalah benar dan secara tidak langsung memberikan sumbangan yang membina kepada kesatuan akidah dan rohani masyarakat Islam. Ini kerana fahaman Asyairah dan Maturidiah pada hakikatnya

adalah sebahagian daripada Ahli Sunah Waljamaah tetapi fahaman tradisi ini tidak dapat memberikan kefahaman yang tepat dan menyeluruh tentang Ahli Sunah Waljamaah. Fahaman ini juga tidak mampu merentasi generasi Islam yang berada di abad awal Islam yang dikenali sebagai Ahli Salaf atau generasi sebelum Abu Hasan Asyaari dan Abu Mansur Maturidi. Berdasarkan pegangan dan fahaman tradisi masyarakat Islam maka Ahli Salaf dan generasi berikutnya tidak tergolong dalam Ahli Sunah Waljamaah. Oleh itu pemahaman tradisi ini harus dinilai kembali berasaskan pendekatan yang patut ditonjolkan bagi memahami aliran Ahli Sunah yang sebenar dengan lebih terbuka supaya fahaman yang sangat terbatas dan keresahan rohani serta perbezaan pendapat dapat dikurangkan.

Hakikat Ahli Sunah

Tarikh kehadiran Ahli Sunah Waljamaah tidak dapat ditentukan secara tepat begitu juga tentang tokoh yang mula memperkenalkan nama Ahli Sunah Waljamaah. Kemunculannya sangat jauh berbeza dalam beberapa variasi. Ia berbeza daripada aliran Syiah dan Khawarij kerana kemunculan kedua-dua golongan ini bermotifkan politik terutama sekali politik kepimpinan umat Islam. Oleh itu golongan Syiah dan Khawarij boleh dikatakan sebagai dua buah parti siasah agama yang terawal lahir di dalam sejarah umat Islam. (Abdul Shukor 1983, 30; Abu Zahrah t.th. I, 20; Mahmud 1974, 184).

Ahli Sunah Waljamaah juga berlainan daripada firqah Islamiah yang lain seperti Muktazilah, Jabariah, Qadariah, Asyairah dan Maturidiah kerana kelahiran golongan ini adalah daripada perbezaan fahaman dan pendapat dalam mentafsirkan prinsip akidah Islam. Di kalangan golongan ini ada yang membuat pentafsiran bersifat falsafi terhadap isu-isu seperti Jabar, Ikhtiar dan kedudukan orang yang melakukan dosa besar dan hukumnya, juga isu sama ada Quran itu makhluk (hadith) ataupun qadim.

Golongan ini juga mempunyai metodologi tersendiri dalam memahami usul akidah Islam. (Abdul Shukor 1983: 10). Maka Ahli Sunah Waljamaah bukanlah satu organisasi atau pergerakan yang terancang dalam dunia pemikiran akidah Islam. Pada abad kelima Hijrah al-Baghdadi telah menghuraikan tentang Ahli Sunah Waljamaah. Huraian beliau telah menjadi ikutan dan rujukan kepada pengkaji-pengkaji mazhab pemikiran akidah Islam selepas beliau. Huraian tersebut boleh disimpulkan seperti berikut:-

1. Ahli Sunah Waljamaah terbahagi kepada lapan golongan, pembahagian ini berdasarkan perbezaan bidang dan disiplin ilmu yang dikuasai oleh setiap golongan. Dalam bidang akidah Ahli Sunah ialah mereka yang benar-benar mendalami dan menguasai ilmu ketuhanan, kenabian, hari akhirat, kewibawaan memimpin dan berijtihad dan mengisbatkan sifat-sifat Allah seperti yang dilakukan oleh sebahagian ulama kalam.
2. Mereka berpegang dengan Manhaj Ahli Salaf dalam memahami dan menangani isu akidah terutama dalam kemelut dan situasi gawat yang mencabar ketulenan akidah Islam.
3. Kemunculannya adalah selepas generasi Ahli Salaf berbeza pendapat dalam mentafsirkan usul akidah Islam oleh itu kehadiran mereka dalam masyarakat Islam adalah secara terancang. Tokoh utama golongan ini ialah Abu Hasan Asyaari dan Abu Mansur Maturidi. (al-Baghdadi 1973, 313; al-Masri 1384H, 15).

Huraian di atas sangat berpengaruh dan meluas di kalangan majoriti pengkaji mazhab dan aliran pemikiran akidah Islam di dunia Islam. Pemahaman Ahli Sunah Waljamaah di Malaysia dan di rantau ini adalah diyakini kesan secara total dari huraian di atas. Oleh itu isu yang boleh ditimbulkan kepada huraian dan pemahaman di atas ialah huraian dan fahaman tradisi ini tidak merentasi generasi Islam di peringkat awal Islam atau generasi sebelum Abu Hasan Asyaari dan Abu Mansur Maturidi. Huraian

tradisi ini sekaligus tidak dapat memberikan kefahaman yang tepat dan menyeluruh tentang Ahli Sunah Waljamaah.

Ahli Sunah dalam Perspektif Nusus

Perkataan Ahli Sunah dalam bahasa Arab bererti pengikut atau pendokong Sunnah Rasulullah. Perkataan Jamaah pula menunjuk kepada jamaah Rasul bersama Sahabat, Tabiin, Tabi Tabiin dan orang Islam yang mewarisi Islam menurut cara dan pendekatan mereka itu. Hakikat ini bertepatan dengan Hadith Nabi yang bermaksud:

Hendaklah kamu berpegang dengan sunnahku dan sunnah Khulafa Rasyidin yang mendapat petunjuk. Kamu gigitlah dengan geraham (kamu berpeganglah bersungguh-sungguh).

(al-Tirmizi 1385H)

Aku tinggal pada kamu dua perkara, kamu tidak akan sesat selamanya, selagi kamu berpegang kepada kedua-duanya iaitu Kitab Allah dan Sunnah Nabi-Nya.

(al-Qastalani t.th.: 899)

Seluruh umatku akan masuk syurga kecuali orang yang engkar. Para Sahabat bertanya: Siapa orang yang engkar itu? Baginda menjawab: Siapa yang menurut perintahku dia masuk syurga dan siapa yang menolak suruhanku maka sesungguhnya dia engkar.

(al-Bukhari t.th. 249)

Orang-orang yang mengikut suruhan dan meninggalkan larangan Nabi s.a.w. adalah orang-orang yang taat, begitu pula sebaliknya. Suruhan dan larangan Nabi s.a.w. adalah merupakan Hadith.

Keunggulan Para Sahabat

Begitu juga Hadith-hadith Nabi s.a.w. yang menunjukkan keadilan dan kedudukan para Sahabat yang unggul dan patut diteladani.

Di antaranya Hadith Nabi bermaksud:

Jangan kamu caci Sahabat-sahabatku. Jangan kamu caci Sahabat-sahabatku. Demi diriku di dalam kekuasaan-Nya. Kalau salah seorang daripada kamu membelanjakan emas sebesar bukit Uhud, ia tidak akan mencapai nilainya walau secupak dan tidak separuh darinya.

(Muslim 1375H: 195).

Sabda Rasulullah s.a.w. lagi yang bermaksud:

Sebaik-baik umatku ialah yang berada pada abadku kemudian selepas mereka, kemudian selepas mereka.

(al-Bukhari t.th.: 3)

Perintah Quran

Kita juga dapati bahawa terminologi Ahli Sunah Waljamaah mempunyai sokongan yang implisit dan eksplisit dalam Quran. Quran memerintah orang Islam supaya beriman dengan Rasul, seperti firman Allah yang bermaksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya dan kepada Kitab Quran yang telah diturunkan kepada Rasul-Nya dan juga kepada Kitab-kitab suci yang telah diturunkan dahulu daripada itu. Dan sesiapa yang kufur engkar kepada Allah dan Malaikat-Nya dan Kitab-kitab-Nya, dan Rasul-rasul-Nya dan juga hari Akhirat, maka sesungguhnya ia telah sesat dengan sejauh-jauhnya

(Surah 4: 136)

Quran memerintahkan umat Islam menghayati Sunnah dan menjadikannya sebagai rujukan seperti firman Allah yang bermaksud:

Wahai orang-orang yang beriman taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasul dan kepada Ulil-Amri (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berselisih dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikan kepada Allah

(Quran) dan Rasul-Nya (Sunnah). Jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari Akhirat”.

(Surah 4: 59)

Quran meminta umat Islam berpegang dengan ketetapan atau hukum yang ditentukan oleh Nabi Muhammad s.a.w. Firman Allah mengenai suruhan ini bermaksud:

Maka demi Tuhanmu (wahai Muhammad) mereka tidak beriman sehingga mereka menjadikan engkau hakim dalam mana-mana perselisihan yang timbul di antara mereka. Kemudian mereka tidak merasa di hati mereka keberatan daripada apa yang telah engkau hukumkan dan mereka menerima keputusan itu dengan sepenuhnya.

(Surah 4:65)

Quran mengajak umat Islam menjadikan Rasulullah s.a.w. sebagai teladan dan uswah hasanah. Firman Allah maksudnya:

Sesungguhnya pada Rasulullah itu bagi kamu merupakan ikutan yang baik bagi siapa jua berharap kepada Allah dan Hari Akhirat .

(Surah 33: 21)

Maksud ayat Quran yang dipetik di atas memerintahkan orang mukmin supaya berpegang pada Sunnah, taat kepada Rasulullah s.a.w. serta menerima dengan patuh dan ikhlas setiap apa yang disarankan sama ada dari Quran atau Sunnah. Dalam apa jua perselisihan yang sukar diselesaikan umat Islam hendaklah merujuk kepada Allah dan Rasul-Nya. Merujuk kepada Allah bermakna kepada Quran dan merujuk kepada Rasul-Nya bererti merujuk kepada Rasulullah s.a.w. sendiri semasa hayatnya dan kepada Sunnahnya setelah Rasulullah s.a.w. wafat. Demikian juga perintah mentaati Allah dan Rasul. Perintah mentaati Allah bermakna mematuhi Quran dan mentaati Rasul bermakna mematuhi suruhan dan larangannya. Kedua-dua aspek ini, iaitu suruhan dan larangan termasuk dalam Sunnah. Mentaati Rasul tidak boleh diertikan mentaati Quran kerana dalam maksud ayat-ayat Quran yang dikemukakan di atas mengandungi huruf **ataf** di antara

suruhan mentaati Allah dan Rasul. Menurut kaedah bahasa Arab, jika terdapat huruf **ataf** di antara dua perkara, ia memberikan erti ada kelainan di antara kedua-duanya. Maka taat kepada Allah merujuk kepada Quran dan taat kepada Rasul pula tidak boleh diertikan taat kepada Quran kerana ia bertentangan dengan kaedah umum bahasa Arab. Oleh itu taat kepada Rasul merujuk kepada suruhan atau larangan daripada Nabi s.a.w. Larangan dan suruhan ini termasuk di dalam kategori Sunnah Nabi (Abdul Shukor 1996, 20; al-Zamakhshari 1972, 3:18; al-Alusi 1978, 22:49).

Quran juga menjelaskan tentang keunggulan dan ketinggian kedudukan para Sahabat Nabi Muhammad s.a.w, Allah berfirman dengan maksudnya:

Golongan yang pertama dari kalangan Muhajirin dan Ansar dan orang-orang yang mengikut jejak langkah golongan ini dengan kebaikan, maka Allah meredai mereka dan mereka pula meredai Allah.

(Surah 9: 100)

dan firman Allah yang bermaksud:

Wahai Nabi memadailah bagi kamu Allah dan orang yang mengikut engkau daripada kalangan orang Mukmin (orang yang beriman dan mengikut Nabi s.a.w. ialah para Sahabat.

(Surah 8: 64).

Dari matan yang disebutkan tadi sama ada Quran atau Hadith menunjukkan betapa jelas dan kuatnya gesaan supaya berpegang dan menghayati Sunnah Nabi dan menjadikan para Sahabat Rasul s.a.w. sebagai manhaj dan rujukan dalam menghayati ajaran Islam. Maka boleh diambil satu kesimpulan bahawa Ahli Sunah Waljamaah bermakna jamaah umat Islam yang majoritinya (Sawad al-^aazam) beriltizam kepada Quran dan Sunnah mengikut pemahaman yang diajarkan oleh Nabi s.a.w. Pemahaman ini dipegang dan dihayati oleh Sahabat, Tabiin, Tabi Tabiin dan orang Islam yang mewarisi mereka itu sehingga

ke hari ini. Nama ini juga membezakan golongan terbesar umat Islam dengan golongan yang tidak berpegang kepada manhaj yang betul atau sunnah Nabi s.a.w. terutamanya dalam bidang akidah (Abdul Shukor 1996, 19; al-Taftazani 1313H, 59; al-Shahrastani 1968, 1: 92).

Dalam perspektif ini, bagi Ahli Sunah Waljamaah, para Sahabat dan Tabiin, adalah sebenarnya pendokong dan penegak Sunnah. Oleh itu merekalah pengasas Ahli Sunah Waljamaah.

Maka kewujudan Ahli Sunah Waljamaah selepas itu sebagai penerusan dan kesinambungan wujudnya para pendokong dan penghayat Islam yang telah dirintis sejak zaman Rasulullah s.a.w. Ia diwarisi daripada satu generasi kepada satu generasi. Mereka berjuang bagi menjamin kemurnian Islam dan penghayatannya di atas kebenaran **al-haqq** seperti yang dinyatakan oleh Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

Akan berterusan ada satu golongan daripada umatku yang sentiasa tampil membela kebenaran hingga datang ketetapan Allah sedangkan mereka terus mempertahankannya.

(al-Bukhari t.th:60)

Kedua Aspek Sejarah

Ahli Sunah Waljamaah juga terkenal kerana sejarah perkembangan pemikiran akidah Islam yang dinisbahkan kepada Jamaah majoriti terbesar umat Islam yang beriltizam kepada ajaran Islam. Mereka tidak terdorong dan didorong oleh sikap, pegangan dan penghayatan Islam yang menyeleweng, menepati Sunnah Rasul dan Sahabat-sahabatnya.

Dalam sejarah awal Islam, iaitu peringkat generasi Sahabat dan Tabiin, permasalahan yang timbul lebih banyak tertumpu kepada persoalan kehidupan yang berkait langsung dengan hukum halal dan haram, persoalan masyarakat serta dakwah dalam memantapkan kestabilan Islam. Diikuti dengan persoalan

siasah yang melahirkan golongan serpihan (infisaliyah) seperti golongan Khawarij, Syiah (Golongan yang menyatakan simpati dan taksubnya kepada Ali bin Abi Talib) dan beberapa kelompok serpihan lain. Golongan ini terjadi disebabkan politik terutama sekali yang berkaitan isu kepimpinan umat Islam (Abu Zahrah t.th. 1, 13; al-Shahrastani 1968,19; al-Baghdadi t.th, 21).

Terdapat gerakan yang engkar kepada apa yang telah ditetapkan oleh Rasulullah s.a.w. semasa hayatnya seperti golongan *mani' al-zakat* (engkar hukum zakat) dan gerakan pendakwa nabi palsu. Walau bagaimanapun masyarakat Islam pada ketika itu masih mampu dan mempunyai kekuasaan untuk menyelesaikan semua persoalan dan cabaran yang timbul. Mereka bangunkan kekuatan umat dan keutuhannya kerana masyarakat Islam yang tidak terlibat dan berpegang teguh kepada apa yang diajarkan oleh Rasulullah s.a.w. masih lagi golongan majoriti terbesar dan mempunyai keutuhan akidah, akhlak dan syariah. Maka kesatuan umat dan keutuhan akidah sebagaimana yang mereka warisi daripada Rasulullah s.a.w. tetap menjadi prioriti bagi mereka. Semua cabaran dapat mereka atasi dan tangani dengan jayanya.

Namun perlu juga dinyatakan di sini bahawa golongan atau individu yang terlibat dengan masalah politik masih meneruskan aktiviti mereka walaupun menemui kegagalan dalam urusan siasah dan kuasa. Ada di antara mereka yang cuba menimbulkan isu yang menggugat ketulenan akidah dan syariah yang diwarisi daripada Rasulullah s.a.w. Mereka menimbulkan keresahan ini kerana ingin digunakan untuk memperkukuhkan kekuatan dan pengaruh mereka melalui unsur dalaman dan luaran seperti yang dilakukan oleh golongan Khawarij. Oleh yang demikian tercatat dalam sejarah heresiografi umat Islam bahawa Ali bin Abi Talib telah menulis beberapa risalah bagi menyatakan penyelewengan akidah Khawarij. Usaha seumpama ini telah dilakukan oleh ulama pada masa Tabi'in dan Tabi' Tabi'in seperti Umar bin Abdul Aziz, Zaid bin Ali Zainal Abidin, Hasan al-Basri dan lain-lain (al-Baghdadi t.th, 223; Badawi 1979, 675).

Usaha golongan Khawarij nampak lebih berkesan apabila isu politik dilibat dengan akidah dan kepercayaan masyarakat Islam seperti hukum orang yang melakukan dosa besar serta isu perbuatan dan peri laku hamba. Ada golongan yang mempersoalkan sama ada peri laku hamba adalah hasil daripada daya dan kehendaknya semata-mata atau sebaliknya. Jika jawapannya positif kepada soalan itu, maka manusia bertanggungjawab ke atas perbuatannya. Jika jawapan negatif kepada soalan itu, maka manusia tidak bertanggungjawab kepada perlakuannya. Keadaan ini menjadi lebih mencabar setelah pemikiran bersifat falsafah dan budaya lama dari luar seperti Falsafah Greek, Parsi dan lain-lain dalam aspek ketuhanan, dibawa masuk ke dalam masyarakat Islam menerusi pelbagai saluran. Begitu juga dengan idea sesat yang dahulunya terpendam ternyata terus menjalar dan menanti masa yang sesuai bagi menembusi kembali pemikiran umat Islam. Cabaran seperti ini banyak memberi kesan kepada keutuhan masyarakat Islam lebih-lebih lagi golongan yang dikenali sebagai Munafiqin. Mereka mencari kesempatan dengan mengeksploitasikan isu bagi menggugat kemantapan iman dan keutuhan perpaduan umat Islam (Abdul Shukor 1995, 19).

Natijah dari cabaran di atas juga telah merubah pandangan dan pendekatan sebahagian masyarakat Islam, terutama cerdik pandainya tentang beberapa isu agama, khususnya yang berkaitan dengan akidah. Suasana ini sudah cukup memberi laluan kepada lahirnya beberapa kelompok ulama Islam yang berbeza sikap dan pendekatan dalam menangani isu tersebut. Contohnya Muktaizilah memberi keutamaan kepada kewibawaan akal dan mensekunderkan teks Quran dan Hadith. Ahli falsafah Islam pula berpegang sepenuhnya kepada dalil akli dan unsur-unsur agama ditafsirkan mengikut pendekatan akal dan falsafi.

Stimulus sedemikian melonjakkan golongan Jamaah Islam yang dinyatakan pada awal syarahan ini untuk tetap beriltizam dengan Quran dan Sunnah mengikut pemahaman yang

disampaikan oleh Rasulullah s.a.w. dan para sahabatnya. Mereka tampil ke depan bagi menjelaskan ajaran Islam yang sebenar, khususnya yang berkaitan akidah Islamiah dan mempertaruhkan segala-gala yang mereka miliki hatta nyawa demi mempertahankan kelangsungan akidah Islam.

Dalam kemelut dan situasi gawat seperti itu muncullah tokoh-tokoh Ahli Sunah Waljamaah itu menjelaskan ketulenan akidah Islam dalam pelbagai aspek, melalui penulisan, perbincangan dan perdebatan. Imam Abu Hanifah (w. 150H), menulis kitab yang bertajuk *al-fiqh al-Akbar* dan sebuah risalah yang diberi judul *al-baḥṡ ʿala al-Istitaʿah Maʿa al-fiʿil*. Kedua-dua karya berkenaan menunjukkan dan mengkritik penyelewengan fahaman Qadariah, dalam usaha menyatakan kebenaran ajaran yang dikembangkan oleh Ahli Sunah.

Imam Syafii (w. 204 H) menulis sebuah risalah bertajuk *Tashih al-Nubuwwah wa al-radd ʿala al-Barahimah* dan risalah *al-Radd ʿala ahl al-ahwa*. Dari tajuk-tajuk ini jelas menampakkan usaha beliau mentashih dan menolak kebatilan ajaran yang berasaskan Brahminisme dan Ahl al-Ahwa (Abdul Shukor 1996, 9; al-Baghdadi t.th, 227).

Imam Malik bin Anas (w. 179H) telah melibatkan diri dalam banyak perdebatan bagi mempertahankan ajaran Ahli Sunah di antaranya yang cukup terkenal maksudnya:

Imam Malik ditanya tentang pengertian istiwa (Allah di atas Arash). Beliau menjawab: Istiwa itu tidak majhul, caranya tidak boleh diimajinasikan oleh akal, mengimaninya wajib, bertanya tentangnya tidak boleh (bidaah).

(Madkur, t.th. 2:31)

Imam Ahmad bin Hanbal (w. 241H) menamakan bukunya *Risalah Ahli Sunah wa al-Jamaah*. Kandungan buku ini sangat padat dan jelas menghuraikan akidah Ahli Sunah Waljamaah dan pada masa yang sama membicarakan pelbagai firqah yang dianggap menyimpang dan menyeleweng daripada pendekatan Ahli Sunah. Sebuah lagi buku beliau juga yang terkenal ialah *al-*

Raad ʿala al-Zanadiqah wa al-Jahammiyyah (penolakan ke atas golongan Zindiq dan Pengikut Jahm bin Safwan). Para penganalisis pemikiran akidah Islam yakin bahawa Imam Ahmad melalui kitabnya adalah pelopor paling awal memasyarakatkan istilah Ahli Sunah (Abdul Shukor dan Syamsul Bhari 1997: 3)

Semenjak munculnya Ahli Sunah sebagai judul kepada karya Imam Ahmad, maka popularlah istilah itu di kalangan masyarakat Islam sebagai satu nama yang dinisbahkan kepada mereka yang berpegang teguh kepada Sunnah, Rasul dan para sahabatnya.

Maka terserlah Ahli Sunah Waljamaah ketika munculnya pelbagai fahaman, golongan serta tersebarnya bidaah dan penyelewengan terutama sekali yang berkaitan akidah. Pada saat inilah golongan Ahli Sunah Waljamaah menampakkan identitinya berbanding dengan golongan lain. Mereka ini sebenarnya merupakan proses lanjutan daripada apa yang telah diajarkan oleh Rasulullah s.a.w. dan dihayati oleh para sahabatnya. Ini diterangkan oleh Baginda dalam hadithnya yang bermaksud:

Apa yang aku dan Sahabatku pegang dan amalkan.

(al-Tirmizi 1385H, 5:25)

Semasa kerajaan Abbasiyah diterajui oleh Khalifah al-Ma'mun (198H - 218H.), al-Muktasim (218H - 227H.) dan Khalifah al-Wathiq (227H - 232H) pemikiran Muktazilah disebarkan dengan cara sangat berpengaruh kerana mendapat sokongan dan dokongan daripada para Khalifah berkenaan. Tokoh Muktazilah diberi peluang dan kedudukan termasuk jawatan yang sangat strategik. Wawasan kewibawaan intelek diketengahkan dalam menangani permasalahan akidah Islam. Pada ketika ini ramai alim ulama yang terhimpit dan terdedah kepada kezaliman termasuk Imam Ahmad. Beliau dipenjara dan disiksa kerana terus mempertahankan akidah Ahli Sunah Waljamaah sehingga beliau mendapat penghormatan dan jolokan sebagai Imam Ahli Sunah Waljamaah.

Pada awal kurun ke-4 Hijrah ketika kekuatan pengaruh Muktazilah masih di puncak, muncul dua orang tokoh ulama

Islam yang sangat terkenal kewibawaannya dalam membela dan mempertahankan Ahli Sunah Waljamaah daripada dipermainkan oleh golongan yang menyeleweng. Mereka ialah Abu Hasan al-Asyaari (260H - 330H) dan Abu Mansur Maturidi (w. 333H).

Kedua-dua tokoh ini terutama Asyaari muncul dalam suasana kemelut dan pertarungan yang berlaku di antara golongan Muktazilah yang diasaskan oleh Abu Huzaifah Wasil bin 'Ata. Abu Huzaifah sangat yakin dengan kewibawaan akal dalam menangani isu akidah manakala golongan Mujassimah (*anthropomorphists*) dan Karramiah terus berpegang kepada pendekatan lafzi atau literal.

Abu Hasan Asyaari sangat gigih dan berani membenters segala fahaman yang bercanggah dengan Ahli Sunah Waljamaah. Antara yang diberi keutamaan oleh beliau adalah kritiknya kepada Muktazilah kerana dikhuatirkan akan mengulangi sejarah hitam yang pernah berlaku pada zaman Ahmad bin Hanbal dan ternyata beliau berhasil melumpuhkannya.

Kesederhanaan sikap dan pendekatan Asyaari ternyata apabila beliau menolak kedua-dua golongan di atas yang dianggap keterlaluan. Beliau menerima pendekatan Ahli Salaf dan pendekatan akal dalam memahami teks (nusus-nusus) Agama tetapi tidak sampai ke tahap peranan dan kewibawaan akal di kalangan Muktazilah. Asyaari juga tidak menerima manhaj literal di dalam memahami akidah Islam seperti yang dianuti oleh golongan Mujassimah dan Karramiah (Abdul Shukor 1983, 22; 1994: 38).

Pendekatan sederhana ini terkandung dalam dua ungkapan Asyaari. Pertama, Manhaj dan dasar Agama yang kita berpegang dengannya ialah Kitab Allah (Quran) dan Sunnah Nabi kita Muhammad s.a.w. dan apa yang diriwayatkan oleh para Sahabat, Tabiin dan Imam-imam Hadith. Kita berpegang dengan apa yang dikatakan oleh Imam Abdullah Ahmad bin Hanbal (W.241H.) dan sesiapa yang menentang atau menyalahi pendapatnya maka dia menyalahi prinsip-prinsip di atas (al-Ash'ari 1977: 20).

Kedua, beliau menyatakan bahawa sesungguhnya ada segolongan manusia yang menjadikan kejahilan sebagai asas pegangan. Mereka lebih cenderung bertaklid, mengkritik sesiapa jua yang menganalisis dasar agama dan menganggap perbuatan itu menyeleweng. Dalam menentukan masalah agama, hendaklah dikembalikan kepada sumbernya yang disampaikan iaitu Wahyu, begitu juga masalah yang berkaitan akal dan deria hendaklah dikembalikan kepada sumbernya. Ia tidak boleh dicampur aduk antara masalah akliah dengan masalah samiah begitu juga sebaliknya (al-Ash^hari 1977: 20).

Kedua-dua ungkapan Asyaari tadi, jelas menunjukkan sikap kesederhanaan beliau. Dalam ungkapan pertama, beliau tidak mahu memberikan wibawa secara mutlak kepada akal sekalipun untuk memperkukuhkan agama atau akidah. Oleh itu beliau menekan tentang perlunya umat Islam kembali berpegang pada nusus Agama tanpa membuat takwil yang jauh. Menurut Asyaari, manhaj Ahli Salaf merupakan sebaik-baik manhaj bagi umat Islam untuk diikuti dan Imam Ahmad bin Hanbal adalah sebaik-baik contoh ikutan dalam menghayati manhaj tersebut. Beliau berjuang bersungguh-sungguh untuk menghidupkan kembali manhaj Ahli Salaf yang telah diterima dan dihayati oleh generasi pertama muslim sebelum bertapaknya aliran Muktazilah.

Manakala dalam ungkapan kedua, Asyaari bersikap lebih terbuka dan menentang fikiran yang jumud dan taklid buta. Pada masa beliau mengajak masyarakat Islam kembali kepada manhaj Ahli Salaf, beliau juga mengajak masyarakat Islam memberikan perhatian dan tempat kepada peranan akal dalam mengukuhkan agama dan akidah yang dinyatakan oleh nusus-nusus Agama. Beliau berpendapat bahawa dengan adanya paduan antara akli dan naqli, adalah lebih mudah untuk meningkatkan kefahaman masyarakat Islam tentang akidah dan sekaligus memudahkan pula penyebarannya kepada masyarakat yang belum Islam. Walaupun demikian keterbukaan Asyaari beliau tetap mengutamakan nusus daripada akal. Ini jelas apabila berlaku percanggahan di antara akal dan naqli dalam sesuatu isu

akidah, maka nusus mestilah diutamakan kerana nusus lebih berwibawa dan muktamad. Dengan kata lain peranan akal adalah semata-mata berkhidmat kepada nusus untuk menjelaskan hakikat kebenaran akidah. Sebarang kesamaran yang timbul antara kehendak nusus dengan kehendak akal, nusus hendaklah diutamakan (Abdul Shukor 1994, 38).

Oleh itu sesuatu yang disampaikan oleh nusus mestilah diterima dan dipatuhi sementara peranan akal dalam aspek akidah hanyalah mengukuhkan apa yang telah dijelaskan oleh nusus. Prinsip manhaj Asyaari ini tidak berubah sehinggalah ke hari ini. Namun pengikut beliau yang kemudian telah melakukan sedikit sebanyak perubahan dalam ciri-ciri kecil.

Menurut Dr. Ahmad Subhi (1982), penganalisis pemikiran akidah Islam melihat pendekatan Asyaari ini dapat memberikan ketenangan terhadap keresahan yang melanda masyarakat Islam akibat pertembungan dua aliran yang sangat berbeza iaitu aliran penapian yang mutlak dan aliran pengharusan yang mutlak. Pertembungan ini juga telah menimbulkan pelbagai bencana dan fitnah di dalam masyarakat Islam pada zaman itu. Malah menurut Dr. Ahmad Mahmud Subhi pendekatan sederhana ini menjadikan aliran Asya^cirah mudah diterima dan popular di kalangan majoriti masyarakat Islam.

Pendokong Aliran Asya^cirah

Tokoh pertama dan utama memperjuang dan memasyarakatkan manhaj kesederhanaan Asyaari ialah Qadi Abu Bakar al-Baqillani (w. 403H.), diikuti oleh al-Imam al-Haramain (w. 478H.), al-Baghdadi (w. 429H.), al-Imam al-Ghazali (w. 505H.), al-Shahrastani (w. 548H.), Fakhrudin al-Razi (w. 606H.), al-Ijji (w. 755H.), al-Taftazani (791H.), al-Sanusi (895H.), al-Laqani (1040H.), Imam Muhammad Abduh (1322H.), (Madkur t.th.: 51-55 dan Abu Zahrah t.th.: 169 - 172; °Irfan, t.th.: 150-151).

Kebanyakan tokoh-tokoh Asya'irah adalah bermazhab Syafii, dan Abu Hasan Asyaari dalam fikahnya juga bermazhabkan Syafii. Hal ini mungkin disebabkan terdapatnya persamaan dasar di antara kedua-dua aliran ini iaitu dasar kesederhanaan. Imam Syafii juga dianggap tokoh yang memilih pendirian sederhana di antara pendekatan Imam Malik yang mengutamakan kehendak Hadith di dalam membuat hukum dan Imam Abu Hanifah yang banyak menggunakan akal.

Kesederhanaan pendekatan Asyaari dalam bidang akidah dan pendekatan Syafii dalam fikah adalah faktor penting. Ia sangat mudah diterima dan menguasai sebahagian besar masyarakat Islam, khususnya di rantau ini.

Daripada huraian di atas boleh ditegaskan bahawa kelahiran Ahli Sunah Waljamaah mempunyai sandaran yang kukuh dalam perspektif Syariah dan sejarah. Ahli Sunah Waljamaah bukanlah satu organisasi atau kumpulan yang sengaja didirikan atas kepentingan tertentu seperti Syiah dan Khawarij. Ahli Sunah Waljamaah merupakan satu nama yang mewakili majoriti umat Islam yang sangat beriltizam kepada ajaran Islam yang murni seperti yang dijelaskan oleh Nabi s.a.w. dan dihayati oleh para Sahabat, Tabiin dan Tabi Tabiin. Ahli Sunah Waljamaah muncul dengan jelas ketika berlaku penyelewengan dalam masyarakat Islam yang boleh mengancam keutuhan umat, terutamanya yang berhubung kait dengan masalah akidah. Abu Hasan Asyaari dan Abu Mansur Maturidi bukanlah pengasas Ahli Sunah Waljamaah, seperti yang dihuraikan oleh sebahagian besar pengkaji mazhab dan aliran pemikiran akidah, juga seperti disangkakan oleh majoriti umat Islam di rantau ini. Pada hakikatnya kedua-dua tokoh ini adalah penerus atau pejuang fahaman dan aliran yang diasaskan oleh Sahabat Nabi dan imam-imam selepas para Sahabat sebagai penyambung Manhaj Salaf. Hakikat ini diakui sendiri oleh Asyaari (Ash'ari1977: 20).

Konsep Umum Pendekatan Ahli Sunah Waljamaah

1. Analisis di atas juga menjelaskan, Ahli Sunah Waljamaah adalah golongan yang benar-benar beriltizam kepada Quran dan Sunnah. Mereka akur dengan perintah dan patuh pada semua larangannya. Mereka melaksanakannya pula dengan penuh teratur seperti yang dijelaskan oleh Nabi s.a.w. Mereka tidak menerima pandangan dan pendapat daripada mana-mana pihak sebelum menyelaraskannya dengan Quran dan Sunnah Nabi s.a.w. Mereka beriman dengan mudahnya kepada perkara ghaib, ketuhanan, kenabian dan hari akhirat. Menghayati cara hidup, budaya berfikir dan bermasyarakat seperti yang telah ditentukan oleh Islam. Semuanya ini didorong oleh keimanan yang tulen dan jiwa yang bersih para pendokong dan pemimpin Ahli Sunah Waljamaah.
2. Keimanan dan keyakinan Ahli Sunah Waljamaah sangat tinggi terhadap kesempurnaan Islam bukan sahaja dilihat dari aspek kerohanian malah Islam merupakan sistem yang dapat mengatur dan menyusun urusan keduniaan. Mereka benar-benar menikmati firman Allah bermaksud:

Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu Agama kamu dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada mu dan Aku telah redhakan Islam itu menjadi Agama untuk kamu.

(Surah 5:3)

3. Di samping itu satu aspek yang sangat penting bagi Ahli Sunah Waljamaah ialah penerimaan dan keyakinan penuh mereka kepada Nabi s.a.w. dalam menyampaikan ajaran Islam dan mendidik penganutnya. Mereka percaya bahawa Nabi s.a.w. telah menyampai dan menerangkan keseluruhan ajaran Islam terutamanya yang berkaitan akidah. Setiap perkara akidah yang perlu diketahui dan diimani oleh umat

Islam, Allah telah mewahyukannya kepada Nabi-Nya dan Nabi pula menjelaskan kepada umatnya tanpa sebarang keraguan. Penjelasan ini sudah memadai untuk menolak sebarang keraguan untuk tidak mahu beriman dengan sesuatu perkara yang berkaitan akidah kerana perkara akidah dan kepercayaan adalah dasar yang wajib Nabi s.a.w. sampaikan kepada umatnya. (Abdul Shukor 1987, 5; 1997, 7-9; Ibnu Taimiah t.th., 13).

Salaf dan Khalaf

Pemahaman Ahli Sunah bersandarkan syariah dan sejarah. Terdapat dua generasi yang sangat popular di dalam sejarah perkembangan Ahli Sunah Waljamaah, golongan pertama dikenali dengan nama Ahli Salaf manakala golongan kedua dikenali dengan Khalaf.

Perkataan Ahli Salaf sama ada dilihat dari sudut etimologi atau dari sudut metodologi (manhaj) adalah generasi awal Islam. Generasi ini terdiri daripada para Sahabat Nabi, Tabiin dan Tabi Tabiin yang mewarisi pegangan, fahaman dan penghayatan Islam yang unggul dan benar. Ini adalah seperti yang digariskan oleh Nabi s.a.w., khususnya dalam bidang akidah.

Pengertian Ahli Salaf dari perspektif metodologi tidak berbeza dengan Ahli Sunah Waljamaah. Istilah Salaf mula dimasyarakatkan oleh seorang tokoh Islam terkemuka iaitu Syeikh Islam Ibnu Taimiah (w. 728H). Justeru itu Ahli Salaf dikaitkan secara sehati dengan nama Ahli Sunah Waljamaah. Ibnu Khaldun sendiri menggunakan istilah Ahli Salaf yang merujuk kepada Ahli Sunah dalam kitab Mukaddimah karangannya (Ibnu Khaldun t.th, 458; Abdul Shukor 1993, 106).

Kewujudan Ahli Salaf dari perspektif metodologi ini akan berterusan selagi ada umat Islam yang menerima berterusan pegangan dan penghayatan kepada kaedah tersebut. Manakala golongan yang tidak menerima kaedah tersebut dalam pendekatan mereka kepada akidah, maka mereka tidak boleh digolongkan

ke dalam Ahli Salaf. Dari perspektif metodologi Salaf, tidak semua Muslim yang berada pada zaman awal Islam atau zaman Sahabat dan Tabiin dapat dikategorikan ke dalam Ahli Salaf. Contohnya beberapa orang tokoh dan pengasas mazhab atau aliran dalam Ilmu Kalam yang terdiri daripada Abu Huzaifah Wasil bin 'Ata' (w. 131H.) yang mengasas Muktzalilah manakala M'abad bin Abdullah al-Juhani (w. 80H.) pengasas aliran ikhtiar yang mutlak dan Jahm bin Safwan (w. 129H) yang mengasas aliran Jabariah. Mereka tidak dianggap sebagai Ahli Salaf atau Ahli Sunah walaupun mereka berada pada awal Islam kerana pendekatan mereka dalam akidah sangat berbeza dengan pendekatan yang dihayati oleh Ahli Salaf yang terdiri daripada Sahabat, Tabiin dan masyarakat umum Islam ketika itu (Abdul Shukor 1983, 10; 1987, 7; 1996: 3).

Manhaj Ahli Salaf

Pada umumnya kaedah Ahli Salaf dalam akidah mempunyai persamaan dengan pendekatan umum Ahli Sunah Waljamaah. Ini kerana pendekatan Ahli Sunah Waljamaah diasaskan oleh Ahli Salaf yang menjadikan Quran dan Sunnah sebagai sumber akidah dan kepercayaan, memahami dan mengisbatkan kebenarannya serta menyebarkan akidah Islam menerusi pendekatan Quran.

Generasi Ahli Salaf tidak melihat kepada pendekatan lain seperti perbincangan akal, sistem logik dan sebagainya. Sikap Ahli Salaf didorong oleh beberapa faktor:

1. Kejernihan hati dan kepatuhan Ahli Salaf yang tulen kepada Quran dan Sunnah. Mereka percaya dengan mudahnya tentang perkara ghaib seperti ketuhanan, kenabian dan lain-lain hakikat keimanan dan kepercayaan. Mereka menghayati cara hidup, budaya berfikir dan bermasyarakat seperti yang telah ditentukan oleh Quran dan Sunnah.

2. Keyakinan Ahli Salaf yang kental dan meyakinkan terhadap kebenaran dan kesempurnaan agama Islam dalam semua aspek yang diperlukan oleh manusia seperti yang difirmankan Allah yang bermaksud:

Pada hari ini Aku (Allah) telah sempurnakan bagi kamu Agama kamu dan Aku telah cukupkan nikmat Ku kepada mu dan aku telah relaxan Islam sebagai Agama kamu

(Surah 5: 3).

3. Keimanan Ahli Salaf yang sangat tinggi terhadap kenabian Muhammad s.a.w. dan kesempurnaannya menyampai dan menerangkan wahyu Ilahi terutama yang berkaitan dengan akidah. Mereka juga berkeyakinan bahawa akal tidak boleh digunakan bagi sesuatu yang berada di luar kemampuan yang ditetapkan. Contohnya menggunakan akal untuk menentukan masalah akidah dan perkara ghaib. Perbuatan sedemikian didorong oleh sifat tamak dan zalim manusia dalam menggunakan sesuatu bukan pada tempatnya (Abdul Shukor 1983, 13; 1987, 7-10; 1993, 108; Ibnu Khaldun t.th; 460).

Maka di atas keyakinan inilah Ahli Salaf tidak mahu mengambil pendekatan lain dalam memahami dan menangani isu akidah. Ahli Salaf dari perspektif metodologi ini tidak berakhir pada generasi pertama Islam. Malahan ia berterusan dan diperjuangkan oleh ulama yang ikhlas seperti Imam Malik bin Anas (w. 179H), Imam Ahmad bin Hanbal (w. 241H) dan pengikut-pengikut mereka. Pada awal abad ke-7 Hijrah lahir Imam Ahmad bin Abdul Halim (Ibnu Taimiah) dan Ibnu Qayyim Jawziyyah (w. 751H). Beliau adalah seorang murid setia kepada Ibnu Taimiah. Kemudian pada abad ke-12 Hijrah lahir pula di Semenanjung Tanah Arab seorang tokoh bernama Muhammad bin Abdul Wahab yang mengasas aliran Wahabiah.

Walaupun kehadiran dan peranan tokoh-tokoh di atas berbeza dari sudut dan situasi persekitaran, namun faktor itu membuatkan

mereka sentiasa mendahulukan petunjuk Quran dan Sunnah. Mereka tidak menerima pendekatan lain atau pandangan dari mana-mana sumber sebelum mereka menyelaraskannya dengan Quran dan Sunnah Nabi s.a.w. (Abdul Shukor 1993, 106; 1997, 4; al-Maqrizi 1270H, 1; 12).

Sikap seperti ini tidak boleh ditafsirkan sebagai penafian Ahli Salaf kepada peranan akal dan kedudukannya yang merupakan kurniaan Allah yang sangat tinggi nilainya. Sebenarnya Ahli Salaf menyedari dan akur tentang hakikat ini dan akur pula bahawa akal merupakan asas penerimaan taklif atau tanggungjawab agama. Ahli Salaf juga mempunyai kefahaman yang mendalam terhadap pendekatan Quran dan Sunnah yang merangkumi semua aspek pendekatan. Pendekatan ini tercetus di hati dan minda ke arah yang boleh membawa kepada keyakinan bagi sesiapa yang memahaminya dengan jujur dan ikhlas. Ahli Salaf juga sangat memahami bahawa akal itu sifatnya tidak mutlak, hukumnya tidak sentiasa benar, kemampuan dan kebolehannya berkisar di sekitar alam fizik, tidak boleh menjangkau lebih dari itu. Maka perbuatan mendorong manusia berpegang kepada akal lebih daripada ruang yang ditetapkan adalah satu perbuatan yang menggunakan sesuatu bukan pada tempatnya (Abdul Shukor 1983,10; 1984, 117; 1997, 96; Abu Zahrah t.th: 187 & 213)

Golongan Khalaf

Satu hakikat yang sukar dinafikan bahawa keadaan masyarakat Islam dan manusia terus berkembang dan berubah dari aspek pemikiran, cara hidup, ilmu pengetahuan dan cabaran yang dihadapi. Masyarakat Islam tidak statik, malah terus maju terutamanya dalam mentafsir nusus Agama, masalah kehidupan, pemikiran dan kebudayaan asing yang mula menyelinap masuk ke dalam masyarakat Islam.

Pemikiran falsafah ketuhanan Yunani, kepercayaan Batiniah dan Tasawuf falsafi tersebar dan mendapat tempat dalam masyarakat Islam. Keadaan ini mencabar dan menggugat kemurnian akidah umat Islam kini.

Yang paling ketara sebagai sebab utama munculnya istilah Salaf dan Khalaf dalam dunia Ahli Sunah Waljamaah ialah apabila timbul kegawatan dalam mentafsir dan memahami ayat Mutasyabihat. Ayat ini mengandungi sifat-sifat Allah yang pada zahirnya mempunyai persamaan dengan sifat-sifat makhluk. Kalau diimbau kembali, punca perselisihan faham di antara Salaf dan Khalaf bermula daripada perbezaan mereka memahami firman Allah yang bermaksud

Dialah yang menurunkan kepadamu (wahai Muhammad) Kitab suci al-Quran. Sebahagian besar dari al-Quran itu ialah ayat-ayat “Muhkamat” (yang tetap, tegas dan nyata maknanya serta jelas maksudnya); ayat-ayat Muhkamat itu ialah ibu (atau pokok) isi al-Quran dan yang lain lagi ialah ayat-ayat “Mutasyabihat” (yang samar-samar, tidak terang maksudnya). Oleh sebab itu (timbullah fahaman yang berlainan menurut kandungan hati masing-masing) - ada pun orang-orang yang ada dalam hatinya kecenderungan ke arah kesesatan, maka mereka selalu menurut apa yang samar-samar dari al-Quran untuk mencari fitnah dan mencari-cari takwilnya (memutarakan maksudnya menurut yang disukainya). Pada hal tidak ada yang mengetahui takwilnya (tafsir maksudnya yang sebenar) melainkan Allah. Dan orang-orang tetap, teguh serta mendalam pengetahuannya dalam ilmu-ilmu agama berkata kami beriman kepada semuanya itu datangnya dari sisi Tuhan kami. Dan tiadalah yang mengambil pelajaran dan peringatan melainkan orang-orang yang berfikiran.

(Surah 3:7)

Golongan Salaf berpendapat bahawa orang yang berhak dan tahu mentakwil atau mentafsirkan ayat-ayat Mutasyabihat ialah Allah s.n.w. sahaja. Orang lain tidak mengetahui hakikatnya tetapi golongan Khalaf pula memahami bahawa orang yang boleh mentafsirkan ayat-ayat tersebut termasuk orang-orang yang cukup mendalami bidang ilmu Agama yang berkaitan. Dengan

adanya perbezaan pemahaman tadi, maka sikap Salaf di dalam mentafsirkan ayat Mutasyabihat, ialah berpegang kepada tiga dasar:

1. Beriman dengan kebenaran ayat Mutasyabihat.
2. Mentanzihkan Allah daripada sebarang persamaan dan penyerupaan dengan makhluk.
3. Mengtafwidkan atau menyerahkan kepada Allah hakikat sebenar yang dikehendaki oleh ayat-ayat tersebut tanpa melakukan sebarang takwil. Menurut Ahli Salaf, pendekatan ini lebih terjamin dan selamat daripada sebarang pelanggaran yang tidak dikehendaki oleh Allah.

Golongan Khalaf yang menghadapi kegawatan pemikiran akidah dan kecelaruan dalam mentafsirkan nusus Agama mengusahakan satu pendekatan baru. Pendekatan yang lebih berkesan dan mudah difahami oleh akal manusia, sesuai dengan keadaan dan situasi masyarakat semasa. Maka pendekatan Khalaf dalam mentafsirkan ayat Mutasyabihat ialah:

1. Beriman dengan kebenaran ayat Mutasyabihat.
2. Mentanzihkan Allah daripada sebarang persamaan dan penyerupaan dengan makhluk.
3. Mentakwilkan pengertian ayat Mutasyabihat dengan pengertian yang sesuai dengan Allah dan dapat difahami oleh akal.

Maka pendekatan yang dikemukakan oleh Khalaf bertujuan menjamin kefahaman umat Islam tetap mantap dan subur di samping mampu menangani penyelewengan yang timbul dalam masyarakat Islam. (Abdul Shukor & Samsul Bahri 1997: 8-12)

Manhaj Khalaf

Kehadiran golongan Khalaf bertujuan menangani kegawatan dalam mentafsirkan nusus Agama daripada sebarang penyelewengan

dan membersihkan akidah Islam daripada pemikiran falsafah ketuhanan Yunani, Batiniyah, Tasawuf falsafi dan kebudayaan lama Parsi daripada terus bertapak dalam masyarakat Islam.

Imam Ghazali adalah di antara tokoh utama mempelopori pendekatan Khalaf. Imam Ghazali melakukan perubahan kerana keadaan dan cabaran yang dihadapi oleh beliau pada masa itu. Imam Ghazali sangat gigih dan prihatin kepada cabaran tersebut. Usaha pertamanya ialah memahami dengan mendalam cabaran yang terdapat pada ketika itu. Dalam falsafah beliau membuktikan kemampuan serta kewibawaannya mengkritik orang-orang yang terpicat dengan falsafah ketuhanan Yunani seperti al-Farabi dan Ibnu Sina'. Dua buah kitab beliau yang sangat terkenal bertajuk *Maqasid al-falasifah* dan *Tahafut al-falasifah* membuktikan kewibawaan beliau dalam bidang falsafah. Kritikan beliau sangat tajam kepada Falsafah Ketuhanan Yunani.

Penolakan Imam Ghazali terhadap fahaman Batiniyah telah dijelaskan di dalam bukunya *Fadaih al-Batiniyyah* (tembelang Batiniyah) dan *al-Munqidh Min al-Dalal*. Hujah Imam Ghazali dalam bukunya sangatlah kuat dan berkesan hingga beliau berjaya melumpuhkan segala cabaran dan ancaman yang datang daripada golongan yang ingin menggugat kemantapan dan kestabilan akidah umat Islam ketika itu. Oleh itu beliau layak menerima penghormatan daripada umat Islam sebagai Hujah Islam atau *hujjah al-Islam* (al-Ghazali 1979: 95, 114-116).

Daripada apa yang dijelaskan dan contoh yang dilakukan oleh Imam Ghazali maka pendekatan Khalaf dalam memahami dan menangani isu-isu akidah terdiri daripada:

1. Berpegang kepada kehendak nusus-nusus Agama (Quran dan Sunnah).
2. Menggunakan pendekatan akal dan logik.

Pendekatan akal dan logik digunakan semata-mata untuk memperkukuhkan apa yang terkandung dalam nusus Agama.

Golongan Khalaf terus mendahulukan kehendak nusus daripada yang diputuskan oleh akal. Konsep takwil yang mula diperkenalkan dalam mentafsirkan nusus atau ayat Mutasyabihat, tidak keluar dari mafhum wahyu Ilahi. Golongan Khalaf tidak sekali-kali mengangkat martabat akal lebih daripada nusus Agama.

Kaedah Khalaf dalam pemikiran akidah Islam telah diguna pakai hingga ke hari ini. Namun demikian pendekatan Salaf juga masih dihayati masyarakat Islam terutamanya di Timur Tengah. Selepas Imam Ghazali pendekatan Khalaf telah diteruskan oleh tokoh-tokoh seperti Syahrastani (w. 548H), Ahmad al-Iji (w.775H), Taftazani (791H) dan Muhammad Abduh (1322H).

Kesimpulan

Pada prinsipnya kedua-dua manhaj Salaf dan Khalaf dalam Ahli Sunah Waljamaah adalah sama. Jika diteliti secara mendalam, kedua-dua golongan mempunyai keiltizaman yang tinggi kepada nusus-nusus Agama dalam bidang akidah. Mereka sentiasa mendahulukannya daripada pendekatan yang lain dan golongan Khalaf memberi laluan kepada akal semata-mata untuk memperkukuhkan apa yang dibawa oleh nusus Agama. Juga bagi menghadapi cabaran dan situasi yang wujud pada ketika itu demi mempertahankan kemurnian akidah Islam yang sebenar.

Kedua-dua pendekatan iaitu Salaf dan Khalaf adalah sesuai menjadi pegangan menurut keadaan dan tingkat kefahaman umat Islam sendiri. Oleh itu kita bersetuju dengan pandangan Dr. Muhammad al-Buty (1397H) dalam kitabnya *Kubra al-Yakiniyat al-Kauniyah*. Kita harus menyedari bahawa manhaj Salaf adalah yang terbaik pada masanya, lebih selamat dan selari dengan iman semula jadi yang berpaksi di minda serta hati. Sementara manhaj Khalaf adalah suatu yang kita tidak boleh lari daripadanya dalam menghadapi cabaran aliran pemikiran, wacana ilmiah dan juga perkembangan dunia retorika dengan pelbagai ragam dan kaedah.

Penutup

1. Adalah ditegaskan bahawa kemunculan Ahli Sunah Waljamaah sangat berbeza dengan lain-lain aliran pemikiran akidah Islam. Kemunculannya tidak bermotifkan politik seperti golongan Syiah dan tidak juga akibat perbezaan pendapat dalam mentafsirkan usul akidah seperti golongan Muktaزيلah, Qadariah dan Jabariah.

Ahli Sunah Waljamaah bukan satu organisasi atau pergerakan yang terancang dalam dunia pemikiran akidah Islam tetapi adalah golongan atau nama yang mengandungi makna jamaah majoriti umat Islam yang beriltizam kepada Quran dan Sunnah. Ini adalah mengikut pemahaman yang diajar oleh Nabi s.a.w. dipegang dan dihayati oleh Sahabat, Tabiin, Tabi Tabiin dan umat Islam yang mewarisi mereka itu sehingga kini.

2. Pertumbuhan dan perkembangan Ahli Sunah yang ada sandaran Syariah dan sejarah mempunyai ruang lingkup dan pengertian yang sangat luas merentasi generasi Salaf dan Khalaf. Ia tidak harus diwakili oleh seseorang tokoh atau aliran seperti Abu Hasan Asyaari, Abu Mansur Maturidi atau Ibnu Taimiah. Ia hendaklah merangkumi semua aliran dan mazhab akidah Islam yang beriltizam kepada Quran dan Sunnah. Penghayatan kepada Quran dan Sunnah seperti terdapat di kalangan Sahabat, Tabiin dan Tabi Tabiin dahulu. Di samping itu penggunaan akal dan sistem logik bagi mengukuhkan apa yang ditegaskan oleh nusus Agama adalah penting. Malah dalam keadaan masyarakat Islam dan manusia terus berkembang dan berubah dari aspek pemikiran, ilmu pengetahuan sains dan teknologi, ia semestinya berkhidmat memantapkan akidah Islam supaya akidah Islam mampu menghadapi cabaran serta terus menjamin kefahaman umat Islam terus mantap dan subur.

3. Pemahaman tradisi yang selalu dihuraikan oleh sebahagian besar ilmuan dan juga yang dihayati masyarakat Islam di rantau ini harus dinilai kembali kerana pemahaman tersebut masih dalam ruang terbatas dan tidak menyeluruh. Pemahaman yang betul haruslah bersandarkan kepada syariah dan sejarah di samping perspektif metodologinya. Maka, aliran yang beriltizam kepada Quran dan Sunnah serta mengutamakan kedua-duanya daripada segala pendekatan juga di bawah bumbung Ahli Sunah. Ini kerana ia adalah manhaj dan pegangan Ahli Sunah yang sebenar. Sebaliknya mana-mana aliran yang bertentangan dengan Manhaj ini maka ia bukanlah dari Ahli Sunah. Sumber akidah adalah sabit iaitu Quran dan Sunnah. Maka usul akidah juga sabit, pemahaman dan pengukuhan kepadanya adalah anjal (murunah) tetapi harus tunduk kepada kehendak kedua-dua sumber mutlak di atas. Jika ini dapat difahami dan dihayati, maka pendekatan ini sesuai dan mampu menghadapi cabaran yang lahir dalam masyarakat Islam yang cuba menggugat kestabilan akidah Islam.

4. Akidah merupakan aset yang tidak ternilai. Pendekatan Ahli Sunah merupakan satu-satunya pendekatan yang menjamin keutuhan dan keunggulannya. Hakikat ini telah diakui oleh ahli kaji firaq Islamiah. Sesungguhnya Mazhab Ahli Sunah Waljamaah pada hakikatnya adalah mazhab dan pegangan para Sahabat dan Tabiin serta generasi selepas mereka yang terdiri daripada imam yang masyhor. Pada hari ini amat sukar untuk mendapati satu golongan atau firaq daripada umat Islam yang benar-benar menepati pegangan para Sahabat kecuali Ahli Sunah Waljamaah (al-Asy^hari 1977, 20; al-Baghdadi, 1973, 77). Oleh itu masyarakat Islam harus didedah dan dididik dengan pemahaman yang mendalam dan betul tentang aliran Ahli Sunah Waljamaah. Semua lapisan masyarakat Islam terutamanya pihak berkuasa agama patut berusaha

mencegah dan menghalang fahaman dan aliran lain yang boleh menghakis pegangan masyarakat Islam kepada Ahli Sunah Waljamaah yang sebenar. Maka usaha yang lebih gigih perlulah memantapkan lagi enakmen dan undang-undang pentadbiran agama Islam dan Penguatkuasaan yang menyeluruh termasuk jenayah akidah dan kerohanian dimanfaatkan lagi. Juga penguatkuasaan yang menyeluruh termasuk jenayah akidah dan kerohanian. Kesatuan Manhaj dalam fahaman dan pegangan akidah Islam boleh memberikan impak besar pada keseragaman pegangan akidah, amalan Syariah dan sistem akhlak serta dapat menyumbang secara berterusan kepada kestabilan masyarakat dan perpaduan umat Islam.

Penghargaan

Saya dengan penuh kesyukuran ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Universiti Kebangsaan Malaysia kerana telah memberi peluang dan suasana ilmiah kepada saya untuk menyampai dan menerbitkan syarahan ini. Lebih-lebih lagi ini adalah syarahan pertama dari ahli akademik Fakulti Pengajian Islam. Ucapan setinggi-tinggi terima kasih juga saya sampaikan kepada semua pihak yang menyumbang bagi menjayakan syarahan ini terutamanya Pejabat Penerbit UKM. Akhirnya ucapan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga adalah khusus untuk isteri saya Rahmah Abdul Manan.

Rujukan

- Abdul Shukor Husin. 1984. *Al-Nubuwwah Bain al-‘Aql wa al-Naql*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam. UKM.
- Abdul Shukor Husin. 1997. Sikap Islam Terhadap Falsafah dan Hubungannya dengan Pemikiran Islam Masa Kini. Dalam *Minda Usuluddin*, disunting oleh Indriaty Ismail. Bangi: Fakulti Pengajian Islam.
- Abdul Shukor Husin. 1997. Daur ‘Ulama al-Kalam Qadiman Wa Hadithsan. Dalam *Essays On Muslim Theology and Philosophy*, disunting oleh Ibrahim Abu Bakar. Bangi: Jabatan Usuluddin Dan Falsafah.
- Abdul Shukor Husin. 1993. Ahli Salaf Menurut Perspektif Ulama al-Kalam. Dalam *Isu-isu Usuluddin dan Falsafah*, disunting oleh Abdul Shukor Husin, Mohamad Yusof Husin, Idris Zakaria & Anisah Zainal Abidin. Bangi: UKM.
- Abdul Shukor Husin. 1994. Asyaari dan Manhajnya. Dalam *Spektrum Falsafah Islam*, disunting oleh Ibrahim Abu Bakar. Kuala Lumpur: DBP.
- Abdul Shukor Husin. 1986. Manhaj al-Mutakalimin wa al-Falāsifah fi al-Aqidah. *Islamiyat* 8: 79 - 89.
- Abdul Shukor Husin. 1996. Penjelasan Tentang Ahli Sunah Waljamaah. Kertas Kajian, Peguam Negara Malaysia.
- Abdul Shukor Husin. 1987. Pemikiran Akidah Islam Satu Kajian Metodologi Ahli Salaf, Ulama Kalam dan Ahli Falsafah Islam. Penyelidikan Jabatan Usuluddin.
- Abdul Shukor Husin. 1985. Peranan Sebuah Institusi Pengajian Tinggi Islam. Seminar Pendidikan Islam Masa Kini. Tarikh 22-23-9-85. KUSZA Terengganu.
- Abdul Shukor Husin. 1983. al-Nubuwwah Bain al-Mutakallimin wa al-falāsifah: dirāsah muqāranah. Risalah Doktorah, Jami‘ah al-Azhar.
- Abdul Shukor & Shamsul Bahri. 1997. Ahli Sunah Waljamaah dalam Perkembangan Kertas Kajian. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia JAKIM.
- al-ALŪSĪ. Shihabuddin Mahmud. 1978: *Rauh al-Ma‘āni*. Beirut: Dar al-fikr.
- al-Asya‘ari Abu Hasan Ali bin Ismail. 1977. *Al-Ibañah ‘An Usūl al-Diyānah*. Kaherah: Dār al-Anṣār.
- al-Badawi. Abdul Rahman. 1979. *Maṣāhib al-Islāmiyyin*. Beirut. Dār al-‘Ilm.
- al-Baghdādi Abdul Qāhir bin Tāhir. t.th. *al-farq Bain al-fīraq*. Beirut: Dār al-Afāq.
- al-Bukhāri Muhammad bin Ismail. t.th. *Ṣaḥīḥ al-Bukhāri*. Kaherah. Maktabah Salafiyyah.
- al-Buty Muhammad Sa’id Ramadan. 1397H. *Kubra al-Yaqiniyyat al-Kauniyyah*. Beirut: Dār al-Fikr.
- al-Ghazali Abu Hamid bin Muhammad. 1979. *al-Munqiz Min al-Dhalāl*. Beirut: Dār al-Kitāb.

- Ibnu Khaldun Abdul Rahman. t.th. *al-Muqaddimah*. Kaherah: Maktabah al-Tijāriah al-Kubra.
- °Irfan, Abdul Hamid. t.th. *Dirasāt fi al-firaq Wa al-°Aqāid al-Islāmiah*. Baghdad: Matba°ah Ass°ad.
- Mahmud Abdul Halim. 1974. *al-Taḥkīr al-Falsafī fi al-Islam*. Beirut: Dar al-Kitāb al-Lubnāni.
- al-Masri Husin Muhammad. 1964. *Taudīh al-Tauḥīd*. Kaherah: Matba°ah al-Thasaqāfah.
- Muhammad Uthman El-Muhammadi. t.th. Pengecualian Rantau Pasifik, Sebagai Kawasan yang Mengamalkan Pegangan Ahli Sunah Waljamaah. Kertas Kerja Perunding Islam Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- al-Maqrizi Taqiyuddin Ahmad bin Ali. t.th. *al-Khutat*. Kaherah: Dār al-Tahrīr.
- Madkūr Ibrahim. t.th. *fi al-falsafah al-Islāmiah Manhajun Wa Tatbīquhu*. Mesir: Dar al-Ma°arif.
- al-Muslim Hajaj bin Muslim. 1375H. Ṣaḥīḥ Muslim. Kaherah. °Isa al-Halabi al-Qastalāni Ahmad bin Muhammad. t.th. *al-Mawahib al-Ladūniyyah*. Beirut: Dār al-M°arifah.
- al-Shahrastāni Muhammad bin Abdul Karim. 1968. *al-Milal wa al-Niḥal*. Mesir: al-Babi al-Halabi.
- Subḥi Ahmad Mahmud. 1982. *fi °Ilm al-Kalām*. Iskandariah: Dār al-Thasaqāfah.
- al-Taftāzāni Abu al-Wafa al-Ghunim. 1979. *°Ilmu Kalām*. Kaherah: Dar al-Thasaqāfah.
- al-Taftāzāni. Sa°duddin °Omar. 1313H. *Sharḥ al-°Aqāid al-Naṣafiyyah*. Mesir: Matba°ah Othmaniyyah.
- al-Tirmizī Muhammad bin Isa. 1385H. *Sunan Tirmizi*. Kaherah: Matba°ah al-Ma°arifah.
- al-Zamakshari. Mahmud bin °Omar. 1972. *al-Kashshāf*. Kaherah: Mustafa Halabi.
- Abu Zahrah t.th. *Tārīkh al-Mazāhib al-Islāmiah*. Mesir: Dār al-fikr al-°Arabi.

Abdul Shukor Husin

Dilahirkan di Kampung Tebing Tinggi Jerantut Pahang pada 1942. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Tebing Tinggi dan di Sekolah Menengah al-Junid Singapura. Pada 1970 beliau memperoleh Ijazah Pertama (al-^oAliya) dalam bidang Usuluddin dan Falsafah dari Universiti Al-Azhar. Beliau memperoleh Diploma Pendidikan pada 1971 dari Universiti ^oAin Shams Kaherah. Pada 1973 beliau memperoleh Ijazah M.A. dan 1984 Ijazah al-^oAlamiah (Ph.D. dalam bidang Akidah dan Falsafah dari Universiti al-Azhar).

Dr. Abdul Shukor memulakan kerjayanya di Universiti Kebangsaan Malaysia sebagai Penolong Pensyarah di Fakulti Pengajian Islam pada 1974. Kemudian dilantik sebagai Pensyarah dan seterusnya Profesor Madya pada 1981 dan sebagai Profesor pada 1993. Beliau menjadi Ketua Jabatan Usuluddin dan Falsafah pada 1980 - 1981 dan Dekan Fakulti Pengajian Islam pada 1985 - 1987 dan 1992 - 31 Mei 1998.

Dalam bidang pengkhususannya beliau telah menerbitkan lebih daripada 20 buah terbitan dalam bahasa Melayu dan Arab di samping artikel dalam Jurnal dan Penerbitan popular. Beliau banyak membenteng kertas kerja di peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa.

Beliau juga dilantik untuk mengetuai panel penyelidikan khususnya penyelidikan bersama dengan agensi luar Fakulti seperti BPI, Kementerian Pendidikan Malaysia dan JAKIM. Prof. Abdul Shukor dilantik sebagai pensyarah jemputan dan Pemeriksa/ Penilai Luar Program Pengajian Islam, Universiti Brunei Darussalam (1995 – kini) dan Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang (1997 - kini). Beliau terlibat secara aktif merancang dan menggerakkan program pengajian siswazah, kerja kursus dan penyediaan disertasi Fakulti Pengajian Islam yang mula dilaksanakan pada sesi akademik 1995 - 1996. Beliau telah berjaya

membimbing dan menyelia beberapa orang calon siswazah di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah dan pada masa ini sedang menyelia lima orang calon Ph.D. dan seorang calon M.A.

Dalam bidang perundangan beiau telah menjadi rujukan dalam perkara yang berkaitan akidah dan kerohanian kepada beberapa agensi kerajaan dan swasta antaranya JAKIM dan Pejabat Peguam Negara. Beliau telah dilantik sebagai pengerusi panel terjemahan Shahih al-Bukhari (JAKIM). Hingga kini telah berjaya menerbitkan lima jilid. Beliau juga dilantik sebagai pengerusi panel Pengubalan Istilah Islam bidang Usuluddin dan Falsafah Islam DBP dan berjaya menghasilkan dua buah Kamus Istilah iaitu *Istilah Usuluddin dan Falsafah Islam* dan *Glosari Hadith*.

Dalam bidang sosial dan khidmat masyarakat beliau menyumbang secara aktif antaranya sebagai Penasihat dan Perunding Akademik beberapa buah pusat pengajian tinggi awam dan swasta, Kolej Islam Negeri seperti KUSZA Terengganu, Kolej Islam Pahang dan Kolej Islam Negeri Selangor. Beliau juga dilantik sebagai Badan Perunding Islam JPM; Pengerusi panel Kajian Sosial umat Islam Malaysia JAKIM; Ahli Majlis Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang; Ahli Perunding Syariah (fatwa); Ahli Panel Penilai Tamadun Islam dan Falsafah, DBP; Ahli Lembaga Penasihat pendidikan Islam Majlis Raja-Raja; Ahli Lembaga Saham Wakaf; Ahli IKIM dan Ahli Lembaga Penasihat Syariah KFC Holdings (M) Bhd. Dr. Abdul Shukor telah melibatkan diri dalam persatuan dan organisasi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa antaranya, Timbalan Pengerusi persatuan Intelek Islam ASEAN, ahli Jawatankuasa Gabungan pusat-pusat Pengajian Tinggi Islam Sedunia dan Ahli Persatuan Haiiah Ulama Malaysia.